

Wanita jalankan bancian dari rumah ke rumah

um - 9/1/2007

KUANTAN 8 Jan. - Wanita UMNO Pahang akan terus menjalankan bancian dari rumah ke rumah bagi mendapatkan maklumat mengenai pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Batu Talam dalam usaha mempertahankan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil 28 Januari ini.

Ketuanya, Datuk Maznah Mazlan berkata, pihaknya akan mengambil kesempatan daripada program akar umbi itu untuk memberi penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada para pengundi.

Setakat ini, menurut beliau, taklimat telah pun diberikan bagi menggerakkan jentera

parti untuk melaksanakan kerja-kerja perse-diaan dan bancian awal sebelum tarikh penamaan calon 16 Januari ini.

"Persiapan ini merupakan satu rutin biasa yang dilakukan oleh Wanita UMNO supaya apabila penamaan calon dibuat kita telah pun bersedia dengan maklumat awal dan tahu apa yang perlu dibantu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya, Pergerakan Wanita UMNO di negeri-negeri lain akan turut membantu termasuk dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Jelas beliau, setiap ahli Wanita UMNO ditugaskan menjaga 10 buah rumah. Mereka akan

melakukan bancian selain memberi penerangan mengenai isu-isu setempat yang berbangkit.

"Kita akan turun ke Batu Talam bukan untuk mengambil alih peranan yang dimainkan oleh Wanita UMNO Raub tetapi fungsi kita (Wanita UMNO Negeri) adalah untuk membantu mereka mengukuhkan jentera pilihan raya parti," ujarnya.

Maznah berkata, pihaknya telah bersedia menjawab apa sahaja isu yang akan dibangkitkan oleh parti pembangkang dalam usaha memastikan pengundi-pengundi di kawasan itu menerima penjelasan yang sewajarnya.